

Siti Hasmah kagum kebolehan pelajar khas

BH 26 JAN 2002

MELAKA, Jumaat - Kebolehan kanak-kanak cacat Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Melaka (SKPKM) di Semabok, dekat sini, mengikuti pengajaran dikagumi isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang melawat sekolah itu, hari ini.

Malah kebolehan kanak-kanak itu mempersembahkan pentomen yang mengisahkan seorang anak yang tidak mengenang jasa ibu bapanya, mencuit perasaan Dr Siti Hasmah dan hadirin.

Lawatan Dr Siti Hasmah secara berasingan ke SKPKM itu diadakan sempena lawatan sehari Dr Mahathir ke negeri ini.

Siti Hasmah serta ahli Badan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat Melaka (Bistari) berada kira-kira satu setengah jam di sekolah itu untuk melihat lebih dekat cara pembelajaran di situ.

Kehadiran Dr Siti Hasmah dan isteri Ketua Menteri Datin Seri Asmah Abdul Rahman turut menceritakan

lebih 90 kanak-kanak yang berebut-rebut bersalaman dengan isteri Perdana Menteri.

Terdahulu Siti Hasmah diberi taklimat oleh Abdul Rahman mengenai pembelajaran sekolah itu untuk mengasuh kanak-kanak terabit supaya berdikari dan menguasai ilmu.

Terdahulu, Dr Siti Hasmah turut diraikan Bistari dalam satu majlis makan tengah hari di Hotel Equatorial, di sini.

Sementara itu, Tabung

Afganistan Negeri yang berjaya mengumpul RM85,205.36 menyerahkannya kepada isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sebelum diserahkan kepada Wisma Putra.

Pengerusi Badan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat Melaka (Bistari), Datin Seri Asmah Abdul Rahman menyerahkan cek itu kepada Dr Siti Hasmah sempena lawatan Perdana Menteri, Datin Seri Dr Mahathir Mohamad ke Melaka, hari ini.